



## **JURNAL LINGUISTIK Vol. 20 (2) Disember 2016 (033-041)**

### **Pentafsiran Makna dalam Ujaran Saling Memahami.**

Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah

[aminnudin.saimon@yahoo.com](mailto:aminnudin.saimon@yahoo.com), [zazh@upm.edu.my](mailto:zazh@upm.edu.my)

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia*

---

#### **Abstrak**

Ujaran merupakan satu bentuk bahasa baik kata, perkataan, frasa, ayat atau jujukan ayat oleh seseorang penutur semasa sesuatu peristiwa. Hal ini juga terpancar dalam ujaran-ujaran saling memahami yang terdapat dalam filem Melayu sesuai dengan konteks budaya. Disebabkan kajian ujaran saling memahami menggunakan filem belum banyak dijalankan, justeru kajian ini adalah untuk mengenal pasti maklumat linguistik dalam ujaran saling memahami dalam filem Melayu terpilih. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kepustakaan dan dokumen. Data kajian terdiri daripada ujaran-ujaran dalam filem Melayu terpilih. Sebanyak tiga buah filem dipilih, iaitu filem 'Lancang Kuning', 'Semerah Padi' dan 'Munafik' dijadikan bahan kajian. Pemilihan data filem ini adalah menggunakan teknik persampelan bertujuan. Hasil kajian akan dipersembahkan dalam bentuk kualitatif. Hasil penyelidikan mendapati bahawa ujaran ekplikatur dan implikatur dapat difahami oleh pendengar. Hal ini disebabkan oleh faktor konteks dan kesan kognitif yang melatari sesuatu komunikasi yang membantu pendengar memahami makna ujaran. Hubungan resiprokal saling memahami dipengaruhi oleh maklumat linguistik dan usaha memproses maklumat tersebut.

**Kata kunci: Ujaran saling memahami, Filem Melayu, Teori Relevans, Pragmatik**

#### **Abstract**

*Utterance is a form of language, words, phrases, sentences or sequences of sentences by a speaker during an event. This is also reflected in the utterances understanding contained in Malay films in accordance with the cultural context. Due to the study of utterance understanding using the film has not been carried out, so this study is to identify the linguistic information in utterance understanding in selected Malay films. This study used the method of literature and documents analysis. Data consisted of utterances in selected Malay films. This research used three selected films such as 'Lancang Kuning', 'Semerah Padi' and 'Munafik' used as study materials. Data are chosen from these films using purposive sampling technique. The findings will be presented in the qualitative form. The final finding shown that the implicatures and explicatures can be understood by the listener. This is due to the context factors that underlie the cognitive effects of a communication which helps the listener understand the meaning of the utterance. The understanding relations of reciprocal is influenced by linguistic information and information process effort.*

**Keywords: Speech understanding, Malay Film, Relevance Theory, Pragmatics**

---

### **1. Pengenalan**

Ujaran saling memahami merupakan ujaran yang diucapkan oleh penutur dan difahami oleh pendengar dan ujaran saling memahami ini penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu komunikasi. Ujaran yang jelas dan mudah difahami akan membantu pendengar memperoleh maklumat dan mengelakkan konflik. Smith & Nelson, (1985) menyatakan bahawa inteligibiliti (*intelligibility*)

atau keadaan yang mudah difahami tidak hanya bergantung pada penutur, tetapi bergantung juga pada interaksi antara penutur dan pendengar.

Sehubungan dengan itu, ujaran yang kabur atau ambiguiti akan terdedah kepada lebih daripada satu tafsiran oleh pendengarnya serta mempunyai makna yang berganda bergantung kepada pelbagai tafsiran oleh pendengarnya. Hal ini sedikit sebanyak akan menyebabkan pendengar tidak dapat memahami maksud atau maklumat sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur. Ujaran yang bersifat taksa atau kabur ini berbeza dengan implikatur. Implikatur menyampaikan makna yang terselindung dalam ujaran lisan ataupun tulisan, (Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2015). Walaupun ujaran implikatur mempunyai makna yang terselindung, namun kebanyakan pendengar dapat memahami makna yang disampaikan. Hal ini dapat dibuktikan oleh kajian yang dijalankan oleh para sarjana terdahulu seperti Gazdar (1978), Brown & Yule (1983), Sperber & Wilson (1995), Nor Hashimah Jalaluddin (1993), dan Mustafa Atan (2010). Walau bagaimanapun kajian daripada sarjana tersebut hanya berkisar pada ujaran implikatur.

Selain itu, kebanyakan sarjana linguistik lebih menumpu pada kajian yang melibatkan komunikasi implikatur, kesantunan, dan semantik. Kecenderungan ini disebabkan ujaran yang diujarkan mengandungi pelbagai makna yang disampaikan sama ada secara tersirat ataupun yang tersurat. Namun, ujaran yang bersifat demikian sebenarnya merupakan satu ujaran saling memahami yang kurang diberi perhatian. Justeru, kajian ini adalah untuk mengenal pasti ujaran saling memahami dalam filem Melayu terpilih. Dalam kajian ini, pengkaji memfokus kepada ujaran yang digunakan oleh watak dalam filem Melayu terpilih yang mengujarkan ujaran saling memahami.

## **2. Sorotan Kajian Lepas**

Kajian berkaitan dengan ujaran telah dijalankan meliputi pelbagai sudut ilmu, persepsi dan budaya. Kajian ujaran dari sudut pragmatik telah mula mendapat perhatian sarjana di luar negara termasuklah Sperber & Wilson (1995), Bach & Harnish (1987), Searle (1969), dan Austin (1962). Seterusnya kajian pragmatik yang melibatkan aspek ujaran semakin banyak telah dijalankan, antaranya kajian oleh Muhammad Zuhair Zainal (2015) yang bertajuk, "Makna Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Terpilih dari Sudut Pragmatik" untuk tesis kedoktorannya. Hasil kajian, Muhammad Zuhair mendapati bahawa penggunaan ujaran tak langsung dalam penulisan skrip drama terpilih mengandungi perlakuan ujaran tertentu dan disampaikan dalam bentuk ayat yang berbeza, iaitu ayat penyata, ayat tanya, dan ayat perintah. Penyampaian makna tak langsung yang disampaikan secara tersembunyi adalah untuk lebih santun, menjaga air muka, serta menjadikan bahasa itu lebih menarik untuk mencapai matlamat yang berbeza dalam suatu masa dan untuk menjelaskan niat penutur.

Seterusnya, kajian oleh Rona Almos (2013) yang berkisarkan pada ujaran pantang dalam budaya Minangkabau. Hasil kajian, Rona Almos telah mendapati dalam sesuatu budaya terdapatnya keunikan dalam mendisiplinkan diri, keluarga dan masyarakat menggunakan pantang larang. Rona Almos juga mendapati terdapat lima bentuk penggolongan ujaran pantang, iaitu pantang kerana sopan santun, pantang atas nama dan anggota tubuh, pantang atas nama orang, pantang nama binatang, dan pantang yang berkaitan dengan kepercayaan.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Minewaki, Shimada dan Endo (2014) telah membuktikan bahawa makna sesuatu interpretasi ujaran itu dapat diperoleh setelah dianalisis menggunakan teori Relevans. Hasil dapatan Minewaki, Shimada dan Endo (2014) ini telah menjelaskan bahawa penginterpretasian makna ujaran dapat diperoleh berdasarkan tiga prinsip utama dalam teori Relevans, (Sperber & Wilson, 1995), iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Maria Jodliwec (2008) pula yang menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa kedua (SLA) menggunakan teori Relevans. Dalam kajian tersebut, Maria Jodliwec (2008), cuba meneroka hubung

kait antara model pragmatologi (Teori Relevans) dengan teori-teori yang menjelaskan perkembangan kecekapan dalam L2 (Second Language). Hasil kajian, Maria Jodliwiec mendapati bahawa terdapat lima strategi yang digunakan untuk menginterpretasi makna ujaran dalam SLA. Kajian Maria Jodliwiec juga mendapati dalam menginterpretasi makna ujaran, teori Relevans amat membantu dalam memperoleh makna sebenar penutur terutamanya bagi mereka yang mempelajari bahasa kedua.

Berdasarkan sorotan kajian yang dinyatakan, jelas sekali kajian ujaran meliputi pelbagai aspek seperti budaya, pemerolehan bahasa, dan penulisan. Justeru penginterpretasian makna ujaran ujaran saling memahami ini memerlukan konteks dan kesan kognitif yang maksimum dengan kos memprosesnya rendah.

### 3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana menurut Patton (2002) kaedah kualitatif lazimnya menghasilkan data terperinci tentang bilangan orang dan boleh melibatkan kes yang lebih kecil. Piaget (1995) menjelaskan bahawa kaedah kualitatif mengandungi tiga elemen yang utama, iaitu subjek; orang yang mengambil bahagian atau peserta (informan) yang dijadikan bahan kajian; instrumen, iaitu peralatan yang digunakan dalam kajian dan cara penilaian atau pengukuran termasuklah prosedur kajian dijalankan.

Selanjutnya, teori lakuan Searle (1969) dan teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995) dimanfaatkan oleh pengkaji untuk menganalisis dan menginterpretasi makna ujaran kerana teori Relevans mampu mencungkil makna yang tersurat dan tersirat, (Blackmore, 1992)

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih tiga buah filem, iaitu Semerah Padi (FSP), Lancang Kuning (FLK) dan Munafik (FM) sebagai bahan kajian. Tiga filem Melayu ini dipilih adalah berdasarkan kekuatan dan keistimewaan iaitu jalan ceritanya padat dengan mesej dan pengajaran, aspek penggunaan bahasanya kaya dengan kata-kata yang indah dan ungkapan yang tinggi nilainya. Justeru untuk memperoleh data ujaran, pengkaji terlebih dahulu menonton keseluruhan filem tersebut. Melalui kaedah ini, penghayatan dan pemilihan data ujaran saling memahami dapat dilakukan dengan lebih tepat dan relevan. Setelah data ujaran yang berupa dialog watak-watak dalam filem terpilih diperoleh melalui rakaman, dialog filem tersebut disalin dalam bentuk transkrip untuk memudahkan proses analisis dijalankan.

Data yang memperlihatkan ujaran saling memahami dalam filem Melayu terpilih dianalisis menggunakan teori lakuan pertuturan Searle (1969) dan teori Relevans (1986,1995). Data ujaran saling memahami yang dianalisis merangkumi aspek linguistik dan mesej yang hendak disampaikan oleh penutur kepada pendengar.

### 4. Dapatan kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian mendapati bahawa jenis-jenis lakuan dan maklumat linguistik dalam ujaran saling memahami memudahkan proses pentafsiran ujaran yang saling memahami. Jenis lakuan dan maklumat linguistik ini akan dipersembahkan secara serentak berdasarkan data ujaran yang dipilih.

Dalam Data 1, melalui lakuan asertif, Telani telah mengujarkan ujaran yang memperlihatkan aspek saling memahami seperti U1, lakuan komisif dalam U3 dan lakuan ekspresif dalam U5. Lakuan asertif dalam U1, **“tapi jasa dan budi baik Datuk telahpun tumbuh tegap berakar umbi di seluruh ingatan. Rasa-rasanya ingin memperhamba diri seumur hidup”** merupakan satu

pernyataan penutur yang disampaikan secara eksplisit dan ujaran ini mudah difahami oleh Yahaya dalam U2 dengan ujaranya, **“Riak air nampaknya ada, entah berikan entah tidak”**. Maklumat linguistik berbentuk kiasan dalam ujaran Yahaya, **“...entah berikan entah tidak...”** difahami oleh Telani lalu dibalas oleh Yahaya dengan ujaran U2, **“belum cuba memancing manakan tahu ada ikan tidaknya”** yang merupakan satu lakuan asertif iaitu satu pernyataan yang boleh dinilai benar atau palsu. Telani yang memahami maksud ujaran Yahaya telah membalas ujaran Yahaya dengan ujaran, **“belum cuba memancing manakan tahu ada ikan tidaknya”** melalui lakuan komisif yang mengarah penutur ke arah suatu tindakan. Walaupun ujaran Telani dalam U3 berbentuk kiasan, namun dapat fahami oleh Yahaya apabila Yahaya melalui lakuan ekspresif dalam U4 telah mengujarkan **“bimbang hati meluka ikan di air, takut pula umpan tak disentuh”**. Ujaran Yahaya dalam U4 difahami oleh Telani lalu melalui lakuan komisif, Telani telah mengujarkan, **“Kalau umpan telah termakan seribu tahun menjadi kenangan”** yang merupakan satu pernyataan yang berbentu satu janji. Yahaya sebagai pendengar dapat memahami kandungan U4 lalu melalui lakuan ekspresif telah mengujarkan U5, **“Hiasan kata bererti sudah, bukan bertepuk tangan sebelah” dan “betulkah begitu atau hanya hiasan kataku”** yang memperlihatkan penutur menyatakan perasaan terhadap sesuatu. Perhatikan dialog dalam Data 1 yang berikut.

**Jadual 1: Ujaran saling memahami dalam FLK**

Data 1 Filem			Ujaran
FLK	Telani	U1	Sungguhpun kewajipan, <b>tapi jasa dan budi baik Datuk telahpun tumbuh tegap berakar umbi di seluruh ingatan. Rasa-rasanya ingin memperhamba diri seumur hidup.</b>
	Yahya	U2	Riak air nampaknya ada, <b>entah berikan entah tidak.</b>
	Telani	U3	Takkan ada riak, tak ada ikannya. Lagipun <b>belum cuba memancing manakan tahu ada ikan tidaknya.</b>
	Yahya	U4	Kail sebetuk umpan seekor, <b>bimbang hati meluka ikan di air, takut pula umpan tak disentuh.</b>
	Telani	U5	Ikan ini jinak di kolam yang tenang yang hanya memakan seekor umpan. <b>Kalau umpan telah termakan seribu tahun menjadi kenangan.</b>
	Yahya	U6	<b>Hiasan kata bererti sudah, bukan bertepuk tangan sebelah, tetapi betulkah begitu atau hanya hiasan kataku.</b>

Kembali kepada ujaran Telani (U1, U3 dan U5) dan ujaran Yahaya (U2, U4 dan U6) didapati kedua-dua penutur dan pendengar mudah memahami mesej yang disampaikan lalu berlangsungnya komunikasi. Maklumat yang disampaikan antara kedua-dua watak selaku penutur dan pendengar ini mudah diproses berdasarkan konteks dan kesan konteks yang melatari perbualan tersebut. Konteks dalam Teori Relevan adalah pembinaan kognitif secara eksplisit. Dengan kata lain, konteks merupakan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar, (Sperber & Wilson, 1995). Konteks yang dibina dalam perbualan yang memperlihatkan ‘ujaran saling memahami’ melibatkan andaian tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur yang disampaikan menggunakan kiasan, ujaran eksplisit dan implisit. Menurut Sperber dan Wilson, (1986), fakta nyata dimanifestasi kepada individu adalah pada waktu tertentu jika dan hanya jika dia mampu pada masa itu mewakilinya secara mental dan menerima perwakilannya itu sebagai benar atau mungkin benar. Sementara itu persekitaran kognitif individu adalah satu situasi yang diwujudkan kepadanya. Manakala andaian-andaian yang lebih nyata pada individu dalam suatu masa tertentu atau pada saat tertentu adalah merupakan fungsi daripada lingkungan fizikalnya di satu sisi dan kemampuan kognitifnya pada sisi yang lain. Hal ini menjelaskan bahawa dalam ujaran saling memahami suatu fakta yang diujarkan oleh penutur dapat dimanifestasikan oleh pendengar berdasarkan lingkungan

fizikal dan kemampuan kognitif pendengar itu. Walaupun Sperber dan Wilson menolak idea-idea "pengetahuan bersama" dan "pengetahuan berkongsi" (Stephen Pattenmore, 2006), tetapi hakikatnya, idea-idea "pengetahuan bersama" dan "pengetahuan berkongsi" inilah yang hadir dalam ujaran saling memahami.

Sehubungan dengan itu, ujaran Telani dapat difahami oleh Yahaya dan begitu juga sebaliknya kerana Telani selaku penutur telah membekalkan maklumat konteks untuk ditafsirkan oleh Yahaya selaku pendengar. Dengan berbekalkan maklumat konteks, Telani dan Yahaya mudah memahami maklumat yang disampaikan kerana maklumat konteks yang terbina dalam ujaran perbualan mereka adalah menyentuh pengalaman yang sudah tercatat dalam ensiklopedia penutur dan pendengar. Tegasnya dalam ujaran saling memahami, maklumat yang tidak berkaitan dengan persekitaran kognitif sedia ada tidak akan mempunyai implikasi kontekstual walaupun ia mungkin mempunyai implikasi logiknya sendiri. Sebaliknya, maklumat yang ada dalam persekitaran kognitif penutur akan menambah maklumat yang baharu tetapi maklumat itu harus mempunyai hubungan dengan persekitaran sedia ada bagi menghasilkan kesan kontekstual yang paling maksimum termasuklah menafikan, memperkuat, dan memperkayakan andaian yang sedia ada bagi meminimumkan kos proses.

Selain itu, penginterpretasian maklumat linguistik dalam U1, "jasa dan budi baik Datuk telahpun tumbuh tegap berakar umbi di seluruh ingatan", U2, "Riak air nampaknya ada", U3, "belum cuba memancing manakan tahu ada ikan tidaknya", U4, "bimbang hati meluka ikan di air, takut pula umpan tak disentuh", U5, "Kalau umpan telah termakan seribu tahun menjadi kenangan" dan U6, "Hiasan kata bererti sudah, bukan bertepuk tangan sebelah" yang diujarkan dalam bentuk kiasan mudah diproses berdasarkan konteks walaupun usaha proses maklumat ujaran ini melibatkan kos proses yang tinggi.

Hal ini demikian kerana maklumat linguistik yang disampaikan menggunakan kiasan merupakan maklumat bahasa dan budaya yang telah ada tersimpan dalam ensiklopedia penutur dan pendengar. Justeru, ujaran tersebut mudah difahami oleh penutur dan pendengar (Telani dan Yahaya) walaupun memerlukan kos proses yang maksimum. Maklumat yang maksimum dapat diterima sebagai relevan, malah telah membantu pendengar untuk menginterpretasi ujaran sehingga memperlihatkan komunikasi antara Telani dan Yahaya terus berlangsung dan sekali gus menunjukkan mesej ujaran dapat difahami oleh Telani dan Yahaya disebabkan adanya maklumat konteks dan kesan kognitif yang melatari komunikasi tersebut dengan kos proses yang minimum. Hal ini sejajar dengan matlamat komunikasi, iaitu untuk meningkatkan lagi persekitaran kognitif penutur dan pendengarnya.

Seterusnya, ujaran dalam D2 juga menunjukkan bahawa ujaran saling memahami dapat diproses walaupun maklumat linguistik memberikan makna yang kabur. Walaupun wujud maklumat yang kabur, namun mesej yang cuba disampaikan itu masih dapat difahami oleh Taruna dan Aduka yang menjadi peserta komunikasi kerana setiap penutur adalah bertanggungjawab memberikan maklumat yang mencukupi kepada pendengar berlandaskan konteks ujaran tersebut. Perhatikan data D2 di bawah.

**Jadual 2: Ujaran saling memahami dalam FSP**

D2: FSP		UJARAN
Taruna	U7	Kenapakah kau berkeadaan begini? Buat apa dengan parang ini? Apa kampung kita belum aman lagi?
Aduka	U8	Kampung Semerah Padi sudah aman, tetapi <b>jiwaku masih berperang.</b>
Taruna	U9	<b>Perang?</b>
Aduka	U10	Ya, di antara kesucian dan dosa. Dosa yang telah kulakukan.

Mahligai bahagiamu telah kuruntuhkan.

Berdasarkan data D2 di atas, melalui lakuan direktif, U7 mengemukakan pertanyaan yang mengarahkan U8 membuat suatu tindakan iaitu menjawab pertanyaannya. Atas dasar ini, komunikasi dilihat sebagai percubaan penutur untuk mengubah persekitaran kognitif orang lain sebagai pendengar, dan dengan itu membuka ruang lingkup terhadap suatu yang diperkatakan itu akan saling nyata kepada penutur dan pendengar. Serentak dengan itu, ujaran U8, “Kampung Semerah Padi sudah aman, tetapi **jiwaku masih berperang**” merupakan maklumat linguistik yang mengarah pendengar memahami dan merungkai makna frasa ‘**masih berperang**’. Justeru, dengan berdasarkan konteks ujaran di atas, ‘**jiwaku masih berperang**’ mengandungi makna yang implisit, iaitu 1) masih berkelahi atau bertempur dalam medan peperangan, 2) beradu tenaga dalam suatu pergaduhan atau perjuangan dan 3) berperang bertempur, (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Disebabkan perkataan ‘perang’ dalam **jiwaku masih berperang** yang digunakan oleh Aduka semasa berkomunikasi dengan Taruna mempunyai makna yang kabur pendengar memerlukan maklumat konteks untuk memudahkan perkataan ‘perang’ itu diproses bagi mendapatkan mesej penuturnya. Senada dengan itu, melalui lakuan direktif, U9 mengujarkan “**Perang?**” bagi menentukan makna yang relevan untuk frasa ‘**jiwaku masih berperang**’ dengan kos proses yang rendah.

Berbalik kepada pertanyaan dalam U9, Aduka dalam U10 telah membekalkan maklumat konteks untuk memudahkan Taruna memproses mesej yang hendak disampaikan. Jawapan yang diberikan oleh Aduka dalam U10 ‘**Ya, di antara kesucian dan dosa. Dosa yang telah kulakukan. Mahligai bahagiamu telah kuruntuhkan**’ menunjukkan bahawa maklumat linguistik yang diberikan oleh Aduka ini adalah jawapan daripada pertanyaan Taruna dalam U9 yang cukup jelas untuk difahami. Pendek kata, pertanyaan dalam ujaran U9 telah menghasilkan jawapan dalam U10 sekali gus menjadikan ujaran U9 dan U10 sebagai salah satu daripada ujaran saling memahami yang dikaji dalam kajian ini. Dalam hal ini juga membuktikan kesan kognitif atau kesan konteks telah berperanan dalam membekalkan maklumat untuk memudahkan proses menginterpretasi makna ujaran dengan berbekalkan konteks dan kesan kognitif sehingga menjadikan kos proses mencapai tahap yang minimum. Hal ini jelas sekali menunjukkan bahawa terdapat proses pemilihan dan pengehadan. Maklumat yang tidak berkaitan dengan persekitaran kognitif yang sedia ada (iaitu sama sekali baru) tidak mempunyai implikasi kontekstual (walaupun ia mungkin mempunyai implikasi logiknya sendiri). Sebaliknya, maklumat yang ada dalam persekitaran kognitif pendengar adalah maklumat yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang sedia ada yang mempunyai kesan kontekstual yang memperkuat dan memperkayakan andaian yang sedia ada pada pendengar. Ini adalah maklumat yang relevan dalam prinsip relevans Sperber dan Wilson (1986, 1995) iaitu,

Andaian asas 1: andaian adalah relevan mengikut konteks sehingga kesan konteksnya dalam konteks itu adalah besar.

Kesan 2: andaian adalah relevan dalam konteks sehingga usaha yang diperlukan untuk memprosesnya dalam konteks ini adalah kecil.

Tambah lagi, Minewaki, Shimada dan Endo (2014) mengatakan bahawa dalam menginterpretasi makna ujaran yang saling memahami perlulah berdasarkan konteks dan kesan kognitif yang maksimum. Kesan kognitif amat mempengaruhi seseorang untuk memahami makna yang hendak disampaikan kerana kesan kognitif inilah yang membantu pendengar memproses makna. Maklumat yang diperoleh akan ditafsir berdasarkan andaian-andaian yang diterima termasuklah maklumat mengenai penutur. Andaian-andaian tersebut akan ditapis dan disaring. Hanya maklumat yang relevan dengan penutur yang akan diterima, manakala andaian yang tidak relevan akan digugurkan. Di sinilah makna ujaran dapat difahami dan seterusnya membentuk hubungan dalam

ujaran yang saling memahami, sekali gus dapat mengelakkan komunikasi tergendala dan berlakunya konflik semasa berkomunikasi.

Data D3 menunjukkan bahawa maklumat linguistik tidak semestinya mematuhi rumus tatabahasa. Sesuatu urutan tanya-jawab yang diujarkan haruslah dijawab dengan jawapan secara terbuka atau tertutup. Namun, data D3 didapati bahawa pertanyaan yang dikemukakan dijawab dengan pertanyaan. Setelah diteliti makna yang terkandung dalam pertanyaan tersebut, didapati pertanyaan tersebut mengandungi makna yang lain. Schiffirin (1994) mengatakan bahawa sesuatu ujaran dengan struktur ayat tanya bukan sahaja mendukung makna pertanyaan, tetapi juga membawa makna permintaan dan ajakan. Pernyataan ini kemudiannya diperjelas oleh Ahmad Mahmood Musanif (1998) yang mengatakan bahawa ayat tanya bukan sahaja sebagai pertanyaan, tetapi sebagai pengungkap pelbagai maksud yang lain seperti permintaan, pernyataan, pengesahan, ajakan, nasihat, amaran dan pelarian. Tindak balas kepada urutan tanya-jawab juga mendukung pelbagai kemungkinan maksud seperti jawapan, persetujuan, penerimaan, penolakan, persoalan dan ketidakendahan. Hal ini dapat diperhatikan dalam data D3 di bawah.

**Jadual 3: Ujaran saling memahami dalam FM**

D3	FM	UJARAN	
	Ustaz Adam	U11	Betul ke akak tak tahu?
	Zati	U12	Ustaz tuduh saya ke? Apa semua berlaku sebab saya ke, ha?

Berdasarkan data D3 di atas, memperlihatkan bahawa pendengar memahami maksud yang hendak disampaikan walaupun penutur hanya menggunakan ayat tanya, iaitu U11, **“Betul ke akak tak tahu?”** Berdasarkan konteks, penutur dalam ujaran U11 sebenarnya menuduh pendengar mengenai peristiwa yang berlaku berdasarkan bukti yang ada pada penutur. Suatu yang menarik dalam perbualan di atas adalah dengan berbekalkan konteks dan kesan kongitif, pendengar dapat memahami maksud yang hendak disampaikan penutur, iaitu penutur menuduh pendengar adalah dalang disebalik peristiwa yang berlaku, walaupun penutur hanya menggunakan ayat tanya. Hal ini dapat dilihat pada ujaran U12 melalui lakuan direktif, iaitu **‘Ustaz tuduh saya ke? Apa semua berlaku sebab saya ke, ha?’** Walaupun ujaran U12 tampak seolah-olah mempersoalkan tuduhan yang dilemparkan, namun ujaran U12, sebenarnya menyerlahkan pendengar memahami maksud yang disampaikan oleh U11.

Kebolehan pendengar mentafsir makna ujaran penutur dalam U11 ini dipengaruhi oleh konteks dan kesan kognitif. Hal ini dapat dilihat pada peristiwa-peristiwa lain yang berlaku sebelum ujaran di atas berlaku. Berdasarkan turutan peristiwa yang berlaku antara penutur dengan pendengar serta maklumat konteks yang dibekalkan adalah maksimum kepada penutur dan pendengar telah menjadikan ujaran U11 dan U12 mencapai darjah saling memahami. Hal ini diperjelas oleh Sperber & Wilson (1995) yang mengatakan bahawa maklumat tentang persekitaran yang paling dekat dan ujaran yang terdahulu yang paling hampir, hipotesis saintifik, kepercayaan agama, kenangan lampau, andaian am tentang budaya dan kepercayaan memainkan peranan yang penting dalam penginterpretasian makna ujaran termasuklah ujaran yang saling memahami. Proses untuk menginterpretasi makna ujaran lebih mudah sekiranya penutur dan pendengar mempunyai hubungan yang rapat kerana maklumat mengenai penutur dan pendengar ada tersimpan dalam ensiklopedia masing-masing. Dalam hal ini, penutur dan pendengar mempunyai maklumat yang maksimum yang diperolehi berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh mereka bersama. Oleh hal yang demikian, pendengar dalam U12 mudah memproses makna sebenar penutur dalam ujaran U11, **‘Betul ke akak tak tahu?’** sebagai satu

pertuduhan dengan kesan kognitif yang maksimum bagi yang membantu U12 memproses dan memperoleh makna ujaran U11.

Hal ini sekali gus, memperlihatkan proses penginterpretasian ujaran menjadi lebih mudah apabila penutur membekalkan maklumat yang relevan dengan pendengar. Dengan kata lain, semasa menyampaikan ujaran, penutur seharusnya bertanggungjawab memastikan ujarannya mengandungi maklumat yang sama dengan perhatian pendengar. Hal ini kerana pendengar akan memberikan perhatian yang relevan dengan dirinya. Penutur pula seharusnya memberikan maklumat yang relevan dengan penaakulan dan persepsi pendengar dengan cara memberikan andaian tambahan kepada persekitaran kognitif pendengar, (Wong Shia Ho, 2014).

Berbalik kepada ujaran U11, iaitu **'Betul ke akak tak tahu?'** itu sebenarnya merupakan satu bentuk spekulasi yang digunakan sebagai pertuduhan kepada pendengar. Senada dengan itu, Blackmore (1992) dan Gutt (2000) mengatakan bahawa dalam komunikasi, manusia suka membuat spekulasi terhadap apa-apa yang diujarkan oleh orang lain. Spekulasi begini menghasilkan beberapa andaian. Pendengar akan membina andaian dan kemudian memproses andaian tersebut sebagai wacana awalan. Andaian yang relevan dengan maklumat yang diperoleh pendengar membolehkan pendengar memproses makna tersebut dengan cepat dan mewujudkan ujaran yang saling memahami walaupun ujaran yang diujarkan itu mengandungi makna yang lain.

## Implikasi

Berdasarkan perbincangan yang telah dijalankan, didapati bahawa ujaran yang diujarkan oleh penutur dapat diinterpretasikan dengan mudah oleh pendengar apabila pendengar mempunyai maklumat yang maksimum dan relevan dengan dirinya. Selain itu, ujaran yang bersifat kiasan ataupun figuratif masih dapat diinterpretasi oleh pendengar dengan berbantuan set andaian, konteks dan kesan konteks sehingga mencapai tahap ujaran yang saling memahami.

Ujaran implisit seperti D1 dan D2 adalah sukar difahami jika penutur tidak membekalkan andaian dan maklumat yang mencukupi. Maklumat yang diterima ini akan menjadi input pengalaman dan catatan ensiklopedia kepada pendengar untuk membantu pendengar menginterpretasi makna ujaran. Ujaran implisit ini berjaya dianalisis maknanya sekali gus memberikan gambaran bahawa hubungan resiprokal penutur dengan pendengar berjaya mewujudkan hubungan saling memahami semasa berkomunikasi. Tegasnya, ujaran yang implisit dapat dihuraikan dan diinterpretasikan disebabkan adanya maklumat konteks dan kesan konteks yang melatari perbualan tersebut.

Sehubungan dengan itu, teori Relevans didapati berwibawa dalam menginterpretasi ujaran yang saling memahami. Hubungan resiprokal antara penutur dengan pendengar meningkatkan darjah saling memahami antara kedua-dua peserta komunikasi semasa berkomunikasi. Hubungan resiprokal ini amat penting dalam komunikasi kerana hubungan saling memahami dapat menentukan keberkesanan sesuatu komunikasi dalam penyampaian maklumat, ideologi, hasrat dan pemikiran. Jika sesuatu komunikasi tidak dapat mewujudkan hubungan resiprokal saling memahami antara kedua-dua peserta komunikasi, sesuatu maklumat tidak dapat disampaikan dan seterusnya mengakibatkan komunikasi tergendala dan hubungan saling memahami antara peserta komunikasi tidak wujud.

## 5. Kesimpulan

Dalam dialog filem, penutur dan pendengar (watak-watak) telah mengaplikasi maklumat linguistik dengan baik semasa menyampaikan maklumat yang dihajati. Maklumat linguistik yang digunakan ini mudah difahami oleh pendengar seperti yang terdapat dalam D1, D2 dan D3 yang



dibincangkan. Makna sebenar dalam ujaran saling memahami dapat diinterpretasi berdasarkan konteks dan kesan kognitif yang melatari sesuatu perbualan. Hal ini amat penting bagi membantu pendengar menginterpretasi makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Senada dengan itu, penginterpretasian makna ujaran menggunakan teori Relevan yang menekankan konteks dan kesan kognitif didapati berjaya memproses makna ujaran yang ingin disampaikan sekali gus mewujudkan ujaran atau interaksi yang saling memahami antara penutur dengan pendengarnya.

## Rujukan

- Ahmad Mahmood Musanif, (1998). *Tanya-jawab dalam Novel 'Salina' karangan A. Samad Said: Satu Kajian berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan*. Tesis PhD. University Malaya
- Blackmore, D. (1992). *Understanding Utterance*. Oxford: Blakewell
- Ibrahim Ahmad, (2002). *Pencerakinan Maklumat Linguistik dalam Kamus Melayu-Indonesia*. Jurnal Dewan Bahasa.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Maria Jodlowiec, (2008). *The Role of Relevance Theory in SLA Studies*. Series A, General and Theoretical, Paper No. 715. Krakow: Jagiellonian University
- Matic, D. (2015). *Information Structure in Linguistics*. Journal of Linguistics, 95-99
- Minewaki, S, Shimada, K & Endo, T. (2014). *Interpretation of Utterance Based on Relevance Theory: Toward the Formalization of Implicature with the Maximal Relevance*. Department of Artificial Intelligence, Kyusyu Institute of Technology. Lizuka, Fukuoka, Japan
- Muhammad Zuhair Zainal, (2015). *Makna Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Terpilih dari Sudut Pragmatik*. Tesis PhD. UPM. Serdang
- Mustafa Atan (2010), *Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia
- Nor Hashimah Jalaluddin (1993). *Kekaburan dalam Pengiklanan: Masalah & Strategi*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 37, (10): hlm. 882-891.
- Patton, M. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*, 3<sup>rd</sup> edn, Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2015). *Penggunaan Implikatur Sebagai Medium Penjelasan Akidah*. Jurnal Linguistik Vol. 19 (2) Disember. 2015 (001-009)
- Rona Almos, S. (2013). *Ujaran Pantang Salah Satu Budaya Tutur Masyarakat Minangkabau*. Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu, Jilid 4.
- Sara Beden & Indirawati Zahid, (2014). *Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi Struktur dan Pola Kesopanan Bahasa dalam Peristiwa Melunas Rindu*. Jurnal JATI (Journal of Southeast Asean Studies). 19, 151-168
- Smith, L. E., & Nelson, C. L. (1985). *International Intelligibility of English: Directions And Resources*. World Englishes, 4 (3), 333-342
- Sperber, D & D. Wilson. (1995). *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Blakewell
- Stephen Pattenmore. (2006). "Honourable Bigotry"?Relevance Theory, Conversation Analysis and Radio Talk-Backs. *Revista Alicantina de Estudios Ingleses* 19 : 299-318
- Wong Shia Ho, (2014). *Penggunaan Simbol dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans*. Jurnal Bahasa Jilid 14 bil. 1
- Yule, G. (2006). *Pragmatik*. Oxford. University Press
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.